

Rujukan : ANM(T)513/64

Pt.11A/(84)

23hb. November, 1980

Ketua Jabatan/Kementerian,

Akauntan Perbendaharaan Jabatan Mengakaun Sendiri/Cawangan – ANM.

Bendahari Negeri.

Tuan,

SURAT PEKELILING AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA BILANGAN 3 TAHUN 1980

PERATURAN PERAKAUNAN PADA AKHIR TAHUN KEWANGAN 1980 BAGI

KERAJAAN PERSEKUTUAN DAN NEGERI.

Pekeliling ini menjelaskan tentang peraturan Sistem Pengakaunan Tunai Ubahsuai yang akan dipakai pada akhir tahun kewangan 1980 seperti yang dikehendaki oleh Pekeliling Perbendaharaan No.8 Tahun 1974.

2. Semua Buku Tunai hendaklah ditutup seperti biasa selepas tutup urusan pada hari kerja terakhir tahun 1980 mengikut peraturan yang ditetapkan dalam pekeling yang tersebut diatas. Pemegang Panjar tidak dikehendaki memulangkan baki panjarnya pada akhir tahun.

3. Apabila menguruskan pembayaran akaun tahun 1980 dalam bulan Januari 1981 pihak-pihak yang berkenaan hendaklah memastikan bahawa bukan sahaja perkhidmatan/pembekalan telah disempurnakan sehingga 31hb. Disember, 1980 tetapi peruntukan dalam pecahan kepala yang berkenaan adalah juga mencukupi untuk membayar perbelanjaan itu. Jika syarat ini tidak dipenuhi maka pembayaran itu hendaklah didebit kepada peruntukan tahun 1981.

4. Adalah diperhatikan dari pengalaman yang lalu bahawa sejumlah besar vaucaer-vaucaer yang dihantar dalam bulan Disember dan Januari (Accounts Payable) adalah bagi perbelanjaan yang berlaku lebeh awal menjelang tahun semasa. Juga diperhatikan vaucaer-vaucaer tidak disediakan lebeh awal dan tidak dihantar kepada Perbendaharaan Pembayar untuk pembayaran segera. Oleh itu buku-buku akaun tidak dapat ditutup dengan secepatnya. Bagi tahun 1980 adalah diarahkan bahawa peraturan berikut hendaklah dipatuhi.

4.1. Semua perbelanjaan yang berlaku sehingga 30hb. November, 1980 vaucaer pembayaran bersama dengan bil-bil berkaitan hendaklah diserahkan kepada Perbendaharaan Pembayar tidak lewat dari 10hb. Disember, 1980.

4.2. Untuk perbelanjaan yang berlaku antara 1hb. Disember, 1980 hingga 15hb. Disember, 1980 vaucaer pembayaran hendaklah diserahkan tidak lewat dari 20hb. Disember, 1980.

4.3. Untuk perbelanjaan yang berlaku antara 16hb. Disember, 1980 hingga 31hb. Disember, 1980 vaucaer hendaklah diserahkan sebelum 10hb. Januari, 1981 dan peraturan yang disebutkan dalam para 6 dibawah mestilah dipatuhi.

5. Aturcara Baru Perakaunan Ubahsui

Ada dua cara bagi menyampaikan vaucer "ACCOUNTS PAYABLE" bagi perbelanjaan tahun 1980 seperti berikut:-

5.1. Bagi Jabatan yang menghantarkan vaucer ke pejabat Jabatan Akauntan Negara, Kuala Lumpur atau ke pejabat cawangan di negeri-negeri vaucer berkenaan tidak perlu disertai dengan vaucer jurnal seperti yang telah dibuat dimasa-masa lepas.

5.2. Bagi Bendahari Negeri dan juga Jabatan-jabatan Mengakaun Sendiri aturcaranya adalah seperti ditahun-tahun lepas melainkan jika diarah sebaliknya oleh pihak-pihak Bendahari Negeri dan Jabatan-jabatan Mengakaun Sendiri. Bagaimanapun kesemua Bendahari Negeri dan Jabatan Mengakaun Sendiri yang menggunakan komputer adalah dinasihatkan supaya mengujudkan sistem baru ini di mana penyediaan dan prosesan vaucer jurnal tidak perlu dibuat lagi bagi vaucer 'ACCOUNTS PAYABLE'.

6. Aturcara Penyampaian Vaucer "ACCOUNTS PAYABLE"

6.1. Kesemua vaucer 'ACCOUNTS PAYABLE' hendaklah disampaikan ke pejabat pembayar berasingan dari vaucer-vaucer yang lain.

6.2. Kesemua vaucer 'ACCOUNTS PAYABLE' hendaklah diberi cop 'ACCOUNTS PAYABLE' diatas salinan asal vaucer tersebut.

6.3. Vaucer yang dibayar selepas 31.12.1980 hendaklah diberi nombor siri 1980 oleh Perbendaharaan Pembayar dan cek yang dikeluarkan baginya hendaklah daripada akaun bank tahun 1981.

6.4. Kesemua vaucer 'ACCOUNTS PAYABLE' hendak diberi kod-kod perakaunan untuk mengenakan perbelanjaan itu kepada peruntukan tahun 1980 seolah-olah vaucer berkenaan disediakan untuk pembayaran di tahun 1980 juga.

6.5. Vaucer 'ACCOUNTS PAYABLE' yang tidak dapat dibayar sehingga 31.1.1981 mestilah dipulangkan balik kepada Pegawai Pengawal untuk dibatalkan. Pegawai Pengawal hendaklah menyediakan suatu vaucer baharu dan menyampaikannya kepada Perbendaharaan Pembayar di bawah Arahan Perbendaharaan 58(a) untuk dibayar dari peruntukan tahun 1981.

6.6. Tiap-tiap jumlah vaucer 'ACCOUNTS PAYABLE' yang dibayar sehingga 31.1.1981 hendaklah didebit terus ke dalam akaun peruntukkan 1980. Nombor kepala perbelanjaan yang diberi kepada tiap-tiap satu akaun itu hendaklah sama dengan nombor kepala perbelanjaan yang diberi kepada Kementerian/Jabatan yang berkenaan itu bagi tahun 1980.

6.7. Pengakaunan Vaucer "ACCOUNTS PAYABLE" adalah seperti berikut :-

i) Bagi pejabat Akauntan Negara dan pejabat-pejabat cawangannya sistem perakaunan yang berasaskan komputer akan secara automatik mengenakan perbelanjaan berkenaan kepada peruntukan tahun 1980 dan disamping itu mengkreditkan "ACCOUNT PAYABLE" tahun 1980. Cek-cek akan dikeluarkan daripada akaun bank tahun 1981 dan debit sewajarnya akan dikenakan kepada akaun Penyelesaian Perbelanjaan 1981.

ii) Bagi pejabat perakaunan Jabatan Mengakaun Sendiri dan Bendahari Negeri mereka bolehlah mengikut aturcara di tahun-tahun lepas atau dimana penyediaan dan prosesan jurnal vaucer tidak perlu dibuat aturcara berikut hendaklah diikuti:

ditiap-tiap akhir hari kesemua cek "ACCOUNTS PAYABLE" yang dikeluarkan hendaklah diakaunkan ke dalam akaun tahun 1980 seperti berikut :-

DEBIT : Vot Perbelanjaan

KREDIT : ACCOUNTS PAYABLE 1980

Bagi tahun 1981 catitan urusniaga seperti berikut hendaklah dibuat bagi mengakaun cek 'ACCOUNTS PAYABLE' yang dikeluarkan:

DEBIT : Akaun Penyelesaian Perbelanjaan 1980

KREDIT : Akaun Bank (1981)

(dengan jumlah besar cek 'ACCOUNTS PAYABLE')

7. Menutup akaun ' ACCOUNTS PAYABLE' Tahun 1980

7.1. Pada tutup urusan dan selepas catitan terakhir ke dalam akaun 'PENYELESAIAN PERBELANJAAN 1980 – Kepala ' pada hari kerja terakhir dalam bulan Januari, 1981, satu catitan jernal hendaklah dibuat untuk menutup akaun 'ACCOUNTS PAYABLE' itu.

Catitan itu ialah:-

DEBIT akaun "ACCOUNTS PAYABLE" dengan baki yang ada di dalamnya,

DAN

KREDIT akaun "PENYELESAIAN PERBELANJAAN 1980" – Kepala dengan jumlah yang sama.

8. Rekupmen Oleh Pemegang Panjar

8.1. Dalam mendapatkan balik perbelanjaan daripada Perbendaharaan dalam bulan Januari, 1981 dan dalam bulan-bulan yang berikutan, Pemegang Panjar mestilah menghantar berasingan vaucer yang telah dibayar dalam tiga kumpulan seperti berikut:

8.1.1. *Kumpulan pertama – Vaucer tahun 1980 yang telah dibayar dalam tahun yang sama.*

Rekupmen bagi pembayaran yang telah dibuat dalam tahun ini hendaklah diuruskan seperti yang dilakukan sekarang.

8.1.2. *Kumpulan Kedua – Vaucer tahun 1980 yang dibayar dalam bulan Januari, 1981*

Jumlah kumpulan vaucer itu hendaklah dikredit ke akaun pemegang panjar tahun 1981 dan penyelesaian dan debit kepada berbagai akaun perbelanjaan itu hendaklah diuruskan mengikut perenggan 6.6. dan 6.7 di atas.

8.1.3. *Kumpulan Ketiga – Vaucer tahun 1981 yang dibayar dalam tahun yang sama.*

Rekupmen perbelanjaan yang dibayar dalam tahun 1981 berkenaan dengan akaun tahun itu hendaklah diuruskan seperti biasa.

9. Mengakaun Pembayaran Persekutuan di Perbendaharaan Negeri

9.1. Sistem Perakaunan Tunai Ubahsuai ini adalah juga dipakai dalam urusan Kerajaan Persekutuan

yang dikendalikan oleh Perbendaharaan Negeri. Walau bagaimanapun oleh kerana Perbendaharaan Negeri tidak menyenggara rekod pengakaunan yang lengkap mengenai pembayaran-pembayaran yang dibuatnya bagi pihak jabatan Persekutuan peraturan yang berikut hendaklah dipatuhi dalam mengakaun pembayaran-pembayaran persekutuan.

9.1.1. Proses menyediakan dan menyampaikan vaucer oleh Ketua Jabatan Persekutuan dalam negeri-negeri untuk dibayar oleh Perbendaharaan Negeri hendaklah dibuat mengikut peraturan yang ditetapkan pada perenggan 6.1. pekeling ini.

9.1.2. Vaucer 'ACCOUNTS PAYABLE' yang dibayar oleh Perbendaharaan Negeri dalam bulan Januari, 1981 hendaklah didebit terus kepada akaun antara pentadbiran dengan Akaunan Negara/Jabatan Mengakaun Sendiri.

9.1.3. Apabila menghantar akaun kepada Akaunan Negara/Jabatan Mengakaun Sendiri, Bendahari Negeri adalah diminta supaya mengasingkan vaucer 'ACCOUNTS PAYABLE' daripada vaucer yang lain. Ini sangat mustahak supaya urusan memproses vaucer dan mengakaun perbelanjaan dalam tahun kewangan yang berkenaan itu tidak tergendala.

9.1.4. Jika penyelesaian akaun tahun 1980 diantara Jabatan-jabatan dibuat melalui pelarasan jurnal, jurnal itu hendaklah disampaikan kepada Akaunan Negara/Jabatan Mengakaun Sendiri dalam akaun supplement tahun 1980.

10. Penyelesaian Akaun bulan Januari 1981 yang diterima daripada Perbendaharaan Negeri.

10.1. Akaunan Negara/Jabatan Mengakaun Sendiri, apabila menerima akaun bulan Januari, 1981 dari Perbendaharaan Negeri hendaklah memproses, mengakaun dan menyelesaikan dengan Pegawai Pengawal seperti berikut :-

10.1.1. Perbelanjaan tahun 1981 hendaklah didebit ke dalam Akaun Penyelesaian jabatan yang berkenaan.

10.1.2. Perbelanjaan tahun 1980 hendaklah didebit ke dalam 'PENYELESAIAN PERBELANJAAN 1980 Kepala.....'

10.1.3. Suatu jurnal hendaklah dibuat kemudiannya untuk mendebit amaun yang sama dengan amaun yang ditunjukkan dalam akaun 'PENYELESAIAN PERBELANJAAN 1980 Kepala.....' itu ke dalam Akaun Penyelesaian jabatan tahun 1980. Kredit bagi amaun yang sama adalah ke akaun 'ACCOUNTS PAYABLE'.

10.1.4. Debit Note bagi tahun 1980 dan 1981 hendaklah kemudiannya dihantar kepada Pegawai Pengawal untuk diselesaikan oleh mereka.

10.1.5. Apabila Debit Note diterima daripada Akaunan Negara/Jabatan Mengakaun Sendiri Pegawai Pengawal hendaklah menyediakan jurnal untuk memasukkannya ke dalam akaun perbelanjaan tahun kewangan yang berkenaan.

10.1.6. Akaun 'ACCOUNTS PAYABLE' itu hendaklah kemudiannya ditutup dalam tahun 1981 oleh Akaunan Negara/Jabatan Mengakaun Sendiri mengikut perenggan 7 pekeling ini.

11. Akaun Seberang Laut

11.1. Cara memproses dan menyelesaikan akaun perwakilan di seberang laut bagi bulan Januari, 1981 hendaklah mengikut aturan yang dilakukan sekarang melainkan apabila menghantar akaun itu kepada Akaunan Negara/Jabatan Mengakaun Sendiri jabatan yang berkenaan itu adalah diminta supaya memastikan bahawa vaucer pembayaran berkenaan dengan perbelanjaan yang diperuntukkan

diasingkan kepada dua kumpulan, iaitu :-

Pembayaran berkenaan dengan perbelanjaan tahun 1980;

Pembayaran berkenaan dengan perbelanjaan tahun 1981.

11.2. Suatu vauzer jurnal hendaklah disediakan oleh Kementerian yang berkenaan untuk melaraskan perbelanjaan bulan itu seperti berikut :-

11.2.1. Pembayaran atas perbelanjaan tahun 1981 hendaklah didebit terus ke dalam vot yang berkenaan.

11.2.2. Jumlah pembayaran atas perbelanjaan tahun 1980 didebit ke dalam akaun 'PENYELESAIAN PERBELANJAAN 1980 – Kepala.....' Dan

11.2.3. Jumlah (i) dan (ii) di atas dikredit ke dalam akaun panjar.

Suatu vauzer jurnal yang lain kemudiannya hendaklah disediakan di atas untuk dicatit ke dalam akaun tahun 1980 dan akaun-akaun yang berkenaan kemudiannya ditutup mengikut perenggan 7 pekeliling ini.

12. Sebagai penutup ingin saya menegaskan sekali lagi bahawa Jabatan-jabatan dan Kementerian-kementerian adalah diarahkan untuk membereskan semua bil-bil semasa yang belum diselesaikan sebagai memberi kesan kepada peraturan dipara 4.1 dan Jabatan-jabatan dan Kementerian-kementerian hendaklah mematuhi peraturan-peraturan diperenggan 3 dan 4. Jabatan-jabatan dan kementerian-kementerian juga dinasihatkan supaya mematuhi kepada tarikh-tarikh yang diberikan didalam surat pekeliling ini.

13. Apa-apa penjelasan lanjut yang diperlukan mengenai pekeliling ini bolehlah didapati daripada Jabatan Akauntan Negara.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

Saya yang menurut perintah,

(SHAMSIR BIN OMAR)

AKAUNTAN NEGARA,

MALAYSIA.